

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR MOHD HAFIZ MOHD HANAFIAH
MENJALANKAN TUGAS TIMBALAN REKTOR
HAL EHWAL PELAJAR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KARNIVAL
KESIHATAN@UCS 2025

5 NOVEMBER 2025 | RABU | 2.00 PETANG
DEWAN SERBAGUNA PFI,
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Dr. Umami Kalthum Shamsudin

Pengarah

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Dr Saliana Sadi

Ketua Unit Kesihatan

UiTM Cawangan Selangor

Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana

YBrs. Dr. Ahmad Irfan Azam

Selaku Pengarah Program Karnival Kesihatan@UCS
2025

YBrs. Dr Shairul'Azam Sahar

Pengarah Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam

YBrs. Dr. Faridah Binti Amin

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM

Cawangan Selangor

Barisan Rakan Kolaborasi

- i. Pejabat Daerah Kesihatan Kuala Selangor
- ii. Agensi Anti Dadah Kebangsaan
- iii. Pusat Darah Negara
- iv. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM
Kampus Puncak Alam
- v. Pusat Pengajian Dietetik, Fakulti Sains Kesihatan
- vi. Unit Psikologi Dan Kaunseling UiTM Cawangan
Selangor
- vii. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Cabang
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam
- viii. Persatuan Program Siswa Sihat (PROSIS) UiTM
Cawangan Selangor

Barisan Penaja Program

- i. TRIpIc Berhad
- ii. Pharmaniaga Berhad
- iii. Big Pharmacy Cawangan Eco

Barisan Urusetia Program

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**, yang **Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Mewakili barisan pengurusan UiTM Cawangan Selangor, saya juga amat berbesar hati menyambut kehadiran **YBrs. Dr. Ummi Kalthum Shamsudin**,

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang sudi hadir untuk merasmikan Karnival Kesihatan ini.

3. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, kita dapat berhimpun pada petang ini bagi **Majlis Perasmian Penutup Karnival Kesihatan@UCS 2025**, yang bertemakan **“Kesihatan Warga: Tanggungjawab Bersama”**.
4. Setinggi-tinggi penghargaan turut saya rakamkan kepada Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam atas inisiatif menganjurkan program yang penuh bermakna ini, dengan kerjasama pelbagai agensi rakan strategik.
5. Karnival ini bukan sekadar acara tahunan atau aktiviti kesihatan semata-mata, tetapi merupakan manifestasi komitmen UiTM dalam menyokong

Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 3); Good Health and Wellbeing yang menekankan kepentingan kesihatan dan kesejahteraan untuk semua warga khususnya pelajar.

6. Saya percaya program ini menekankan gaya hidup sihat, kesejahteraan mental, dan kesedaran terhadap penyakit tidak berjangkit, di mana aktiviti seperti kempen derma darah, saringan kesihatan, serta ceramah pemakanan dan pengurusan tekanan memberi pendedahan amali kepada peserta dalam menjaga kesihatan secara menyeluruh.

7. Saya dimaklumkan, pengumuman Karnival Kesihatan@UCS kali ini melibatkan kerjasama strategik UiTM dengan pelbagai agensi luar, termasuk Pejabat Kesihatan Daerah Kuala

Selangor, Pusat Darah Negara, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Syarikat Big Pharmacy.

8. Oleh itu, kerjasama antara UiTM Cawangan Selangor dengan agensi kerajaan dan swasta ini jelas membuktikan bahawa kesihatan bukan sahaja tanggungjawab individu, malah turut menjadi tanggungjawab bersama institusi dan masyarakat secara keseluruhan.
9. Saya yakin pendekatan kolaboratif seperti Karnival Kesihatan ini adalah sejajar dengan aspirasi UiTM menjadi Universiti Berimpak Tinggi, dan tekad Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mempromosi kesejahteraan komuniti, selaras dengan fokus KPT 2025 terhadap keterlibatan sosial, pembangunan mampan, serta kesejahteraan rakyat dan impak sosial.

10. Sekali lagi, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Unit Kesihatan UiTM Kampus Puncak Alam atas inisiatif murni ini, sekaligus merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga UiTM serta masyarakat setempat yang turut serta dalam Karnival Kesihatan ini.

11. Akhir kata, saya berharap agar program seumpama ini dapat terus dianjurkan pada masa hadapan dan menjadi pemangkin kepada pembudayaan gaya hidup sihat, seimbang, dan produktif dalam kalangan warga kampus serta komuniti sekitar.

Ilmu dicari menjadi pegangan,
Akhlak mulia dijunjung tinggi;
Karnival Kesihatan kita jalankan,
Gaya hidup seimbang terjaga rapi.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**